

## **SYARAT DAN PERATURAN MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN**

### **ANUGERAH INOVASI PENGAJARAN**

1. Anugerah inovasi pengajaran merupakan anugerah yang diperkenalkan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran syarahan secara interaktif atau tanpa syarahan yang telah berjaya mentransformasikan pengendalian sesuatu kursus secara efektif, terutamanya ke atas keterlibatan dan pembelajaran aktif pelajar (*active learning*).
2. Kaedah yang digunakan juga terbukti mampu mencapai sekurang-kurangnya satu hasil pembelajaran (*learning outcome*).
3. Kriteria Penilaian

Semua penyertaan dalam bentuk projek/inisiatif memikir dan mereka bentuk semula pendidikan tinggi akan dinilai berdasarkan aspek-aspek berikut:

- i. Rasional (Apakah motivasi & isu/permasalahan utama yang menggerakkan pemikiran dan reka bentuk semula?)
  - ii. Pendekatan (Apakah pendekatan/pemikiran dan reka bentuk semula yang digunakan?)
  - iii. Keterlibatan pelajar (Bagaimana pelajar terlibat dalam pengalaman pembelajaran bermakna?)
  - iv. Impak/Keberkesanan projek (Apakah impak utama projek ke atas pencapaian pembelajaran pelajar?)
4. Syarat Permohonan
    - i. Permohonan terbuka kepada individu / kumpulan individu.
    - ii. Hanya satu (1) penyertaan setiap individu / kumpulan individu.
    - iii. Pemohon perlu mengemukakan satu (1) video berdurasi tidak lebih daripada tiga (3) minit yang menerangkan projek masing-masing dan diserahkan bersama borang pencalonan yang lengkap.